



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I – SESSION 2021 / 2022
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWG 2533
KOD KURSUS

COURSE NAME : INTRODUCTION TO FINANCE
NAMA KURSUS PENGENALAN KEWANGAN

YEAR / PROGRAMME : 2 DDWG
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 3 HOURS (INCLUDING SUBMISSION HOUR)
TEMPOH 3 JAM (TERMASUK MASA PENGHANTARAN)

DATE : DECEMBER 2021 / JANUARY 2022
TARIKH DISEMBER 2021 / JANUARI 2022

INSTRUCTION / ARAHAN:

1. Answer **ALL** questions and write your answers on the answer sheet.
*Jawab **SEMUA** soalan dan tulis jawapan anda pada kertas jawapan.*
2. Write your name, matric no., identity card no., course code, course name, section no. and lecturer's name on the first page (in the upper left corner) and every page thereafter on the answer sheet.
Tulis nama anda, no. matrik, no. kad pengenalan, kod kursus, nama kursus, no. seksyen dan nama pensyarah pada muka surat pertama (penjuru kiri atas) kertas jawapan dan pada setiap muka surat jawapan.
3. Each answer sheet must have a page number written at the bottom right corner.
Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat pada bahagian bawah penjuru kanan.
4. Answers should be handwritten, neat and clear.
Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas menggunakan huruf cerai.

WARNING / AMARAN

Students caught copying / cheating during the examination will be liable for disciplinary actions and the faculty may recommend the student to be expelled from sitting for exam.
Pelajar yang ditangkap meniru / menipu semasa peperiksaan akan dikenakan tindakan disiplin dan pihak fakulti boleh mengesyorkan pelajar diusir dari menduduki peperiksaan.

This examination paper consists of 7 pages including the cover.
Kertas soalan ini mengandungi 7 muka surat termasuk kulit hadapan.

ONLINE EXAMINATION RULES AND REGULATIONS
PERATURAN PEPERIKSAAN SECARA DALAM TALIAN

1. Student must carefully listen and follow instructions provided by invigilator.
Pelajar mesti mendengar dan mengikuti arahan yang diberikan oleh pengawas peperiksaan dengan teliti.
2. Student is allowed to start examination only after confirmation of invigilator if all needed conditions are implemented.
Pelajar dibenarkan memulakan peperiksaan hanya setelah pengesahan pengawas peperiksaan sekiranya semua syarat yang diperlukan telah dilaksanakan.
3. During all examination session student has to ensure, that he is alone in the room.
Semasa semua sesi peperiksaan pelajar harus memastikan bahawa dia bersendirian di dalam bilik.
4. During all examination session student is not allowed to use any other devices, applications except other sites permitted by course lecturer.
Sepanjang sesi peperiksaan pelajar tidak dibenarkan menggunakan peranti dan aplikasi lain kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah kursus.
5. After completing the exam student must inform invigilator via the set communication platform (eg. WhatsApp etc.) about completion of exam and after invigilator's confirmation leave examination session.
Selepas peperiksaan selesai, pelajar mesti memaklumkan kepada pengawas peperiksaan melalui platform komunikasi yang ditetapkan (contoh: Whatsapp dan lain-lain) mengenai peperiksaan yang telah selesai dan meninggalkan sesi peperiksaan selepas mendapat pengesahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Any technical issues in submitting answers online have to be informed to respective lecturer within the given 30 minutes. Request for re-examination or appeal will not be entertained if complains are not made by students to their lecturers within the given 30 minutes.
Sebarang masalah teknikal dalam menghantar jawapan secara dalam talian perlu dimaklumkan kepada pensyarah masing-masing dalam masa 30 minit yang diberikan. Permintaan untuk pemeriksaan semula atau rayuan tidak akan dilayan sekiranya aduan tidak dibuat oleh pelajar kepada pensyarah mereka dalam masa 30 minit yang diberikan.
7. During online examination, the integrity and honesty of the student is also tested. At any circumstances student is not allowed to cheat during examination session. If any kind of cheating behaviour is observed, UTM have a right to follow related terms and provisions stated in the respective Academic Regulations and apply needed measures.
Semasa peperiksaan dalam talian, integriti dan kejujuran pelajar juga diuji. Walau apa pun keadaan pelajar tidak dibenarkan menipu semasa sesi peperiksaan. Sekiranya terdapat sebarang salah laku, UTM berhak untuk mengikuti terma yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik.

Excerpts from online final exam guidelines
Petikan daripada panduan peperiksaan akhir dalam talian
Universiti Teknologi Malaysia

Answer ALL questions.

(TOTAL 100 marks)

[Jawab SEMUA soalan.]

[JUMLAH 100 markah]

Q1. Malaysian healthcare group company Ramsay Sime Darby Health Care has reportedly chosen bankers for a Bursa Malaysia Initial Public Offering which could raise up to US\$300 million.

[Syarikat kumpulan pakar kesihatan Malaysia Ramsay Sime Darby Health Care dilaporkan telah memilih jurubank untuk tawaran awam awal Bursa Malaysia yang boleh menjana sehingga US\$300 juta.]

(Source / Sumber: laingbussionnews.com; 3 Feb 2021)

a. Explain the main function of the investment banker in Initial Public Offering (IPO)?

[Jelaskan fungsi utama bank pelaburan dalam Penawaran Awam Awal (IPO)?] (2m)

b. How do you think the Covid19 outbreak affects common stock investment decisions in a health care industry in Malaysia?

[Menurut anda bagaimana wabak Covid19 mempengaruhi keputusan pelaburan saham biasa dalam industri penjagaan kesihatan di Malaysia?] (4m)

Q2. a. Zas has decided to place RM800, which he received as a birthday gift, in a saving account paying 2% interest. How much will accrue to Zas's account in 5 years' time?

[Zas telah memutuskan untuk meletakkan RM800, yang diterimanya sebagai hadiah hari jadi, dalam akaun simpanan yang membayar faedah 2%. Berapa banyak yang akan terkumpul di dalam akaun Zas dalam masa 5 tahun?] (2m)

b. You are planning to retire in 10 years' time and buy a condominium at the Kuantan seaside. Presently, the condominium cost RM355,000 and is expected to increase in value each year at the rate of 5%. Suppose you can earn 12% annually on your investment, how much must you invest at the end of each of the next 10 years to be able to buy your dream condominium when you retire?

[Anda bercadang untuk bersara dalam masa 10 tahun dan membeli sebuah kondominium di tepi pantai Kuantan. Pada masa ini, kondominium tersebut berharga RM355,000 dan dijangka meningkat nilainya setiap tahun pada kadar 5%. Katakan anda dapat memperoleh 12% setiap tahun dari pelaburan anda, berapa banyak yang mesti anda laburkan pada akhir setiap tahun, 10 tahun akan datang untuk dapat membeli kondominium impian anda ketika anda bersara?] (4m)

Q3. Zaria is considering an investment in one of the two following common stocks: *[Zaria sedang mempertimbangkan pelaburan di dalam satu daripada dua saham biasa berikut:]*

Common Stock [Saham Biasa] X		Common Stock [Saham Biasa] Y	
Probability [Kebarangkalian]	Return [Pulangan]	Probability [Kebarangkalian]	Return [Pulangan]
0.40	11%	0.30	10%
0.30	15%	0.50	13%
0.30	19%	0.20	20%

- a. Calculate the expected return and standard deviation for common stock X and common stock Y.
[Kirakan pulangan dijangka dan sisihan piawai untuk saham biasa X dan saham biasa Y.] **(5m)**
- b. Given your answer in part (a), which investment is better? Why?
[Berdasarkan jawapan anda di bahagian (a), pelaburan manakah yang lebih baik? Mengapa?] **(3m)**

Q4. MED Corporation needs RM5,000,000 for the purpose of opening a new production factory in Johore. There are two (2) financing alternatives to be considered by the firm. The alternatives are:
[MED Corporation memerlukan RM5,000,000 bertujuan membuka sebuah kilang pengeluaran di Johor. Berikut ialah dua (2) pilihan pembiayaan untuk dipertimbangkan oleh firma. Pilihan-pilihan adalah seperti berikut]

Alternative 1: Issue a 12 year, 10% bond selling at RM1,080. The flotation cost is 5% of the par value and current tax bracket of the firm is 25%.

[Pilihan 1: Menerbitkan bon 12 tahun, 10% dan harga jualan RM1,080. Kos apungan ialah 5% daripada nilai par dan kurungan cukai firma ialah 25%.]

Alternative 2: Issue preferred shares that pays 10% dividend on par value. The current price of the firm's share is RM140 and cost of issuing these shares are estimated at 8% of its current price

[Pilihan 2: Menerbitkan saham keutamaan yang membayar dividen 10% ke atas nilai par. Harga semasa saham firma ialah RM140 dan kos menerbitkan saham-saham ini dianggarkan 8% daripada harga semasa]

- a. Compute the after-tax cost of bond and preferred shares.
[Kira kos selepas cukai bon dan kos saham keutamaan.] **(5m)**
- b. Based your answer in (a) choose the best source of financing and provide the reason.
[Berdasarkan jawapan anda di (a), pilih sumber kewangan yang terbaik berserta alasannya.] **(2m)**

Q5. You are ready to make your first investment in the following three investment alternatives:

[Anda bersedia untuk membuat pelaburan pertama anda dalam tiga pilihan pelaburan berikut:]

1. PB bond that pays 10% on its par value in interest, sells for RM850, and matures in 12 years. For bonds of this risk class, you believe that a 12% rate of return should be required; and/or

[Bon PB yang membayar 10% faedah ke atas nilai par, dijual pada harga RM850 dan matang dalam tempoh 12 tahun. Untuk bon-bon dalam kumpulan risiko yang sama, anda percaya bahawa 12% adalah kadar pulangan yang sepatutnya diperlukan; dan/atau]

2. PP preferred stock paying a dividend of RM6 and selling for RM40. Your required rate of return is 14%; and/or

[Saham keutamaan PP membayar dividen sebanyak RM6 dan dijual pada harga RM40. Kadar pulangan yang anda perlukan ialah 14%; dan/atau]

3. PC common stock selling for RM50. The stock recently paid a RM5 dividend. The company's return on equity is 16% and the company keeps 40% of the profits for reinvestment. You think a reasonable required rate of return for the stock is 18%.

[Saham biasa PC yang dijual pada harga RM50. Saham tersebut baru sahaja membayar dividen sebanyak RM5. Kadar pulangan ekuiti syarikat ialah 16% dan syarikat menyimpan 40% daripada keuntungan untuk pelaburan semula. Anda memikirkan kadar pulangan yang diperlukan adalah bersesuaian pada kadar 18%.]

Required: [Dikehendaki:]

a. Calculate the value of each security based on your required rate of return. (Use the formula " **$g = ROE \times pr$** " to find the growth rate for common stock).

*[Kirakan nilai setiap sekuriti berdasarkan kadar pulangan yang anda perlukan. (Gunakan formula " **$g = ROE \times pr$** " untuk mencari kadar pertumbuhan bagi saham biasa).]* **(8m)**

b. Which investment(s) should you accept? Why?

[Pelaburan (pelaburan-pelaburan) yang manakah patut anda terima? Mengapa?] **(6m)**

c. Assume the firms' managers expect a **decrease in growth rate of 1%**, how does this affect your answers to part (a) and (b)? Explain your answer.

*[Andaikan pengurus syarikat menjangkakan **pengurangan kadar pertumbuhan sebanyak 1%**, bagaimanakah jangkaan tersebut mempengaruhi jawapan anda di bahagian (a) dan (b)? Jelaskan jawapan anda.]* **(5m)**

d. Explain **THREE** factors contributing to a successful investment portfolio.

*[Jelaskan **TIGA** faktor menyumbang kepada portfolio pelaburan yang berjaya.]* **(4m)**

Q6. MCO World is considering two **independent** projects. The required rate of return on these projects is 15%. The maximum allowable payback period for the project is 3.5 years. The two projects provide the following set of after-tax net cash flows:

*[MCO World sedang mempertimbangkan dua jenis projek **saling tidak bergantung**. Kadar pulangan yang diperlukan untuk projek-projek tersebut ialah 15%. Tempoh maksima bayaran balik projek yang dibenarkan ialah 3.5 tahun. Kedua-dua projek tersebut memberikan aliran tunai selepas cukai seperti berikut:]*

	<u>PROJECT X</u>	<u>PROJECT Y</u>
	<u>[PROJEK X]</u>	<u>[PROJEK Y]</u>
Initial Outlay [<i>Pelaburan Awal</i>]	(RM620,000)	(RM620,000)
Inflow year 1 [<i>Aliran masuk tahun 1</i>]	160,000	195,000
Inflow year 2 [<i>Aliran masuk tahun 2</i>]	160,000	195,000
Inflow year 3 [<i>Aliran masuk tahun 3</i>]	170,000	195,000
Inflow year 4 [<i>Aliran masuk tahun 4</i>]	250,000	195,000
Inflow year 5 [<i>Aliran masuk tahun 5</i>]	280,000	195,000

Required: [Dikehendaki:]

a. Determine the payback period for each project.

[Tentukan tempoh bayaran balik untuk setiap projek.] **(3m)**

b. Calculate the Net Present Value (NPV) for each project.

[Kirakan Nilai Kini Bersih (NPV) untuk setiap projek.] **(7m)**

c. Calculate the Profitability Index (PI) for each project.

[Kirakan Indeks Keberuntungan (PI) untuk setiap projek.] **(2m)**

d. The Internal Rate of Return (IRR) for project X is 17.06%. Calculate the IRR for project Y.

[Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Projek X ialah 17.06%. Kirakan 'IRR' untuk projek Y.] **(3m)**

e. Based on the IRR given and ALL your answers above, explain briefly which project should be accepted.

[Berdasarkan IRR yang diberi dan KESEMUA jawapan anda di atas, terangkan secara ringkas projek manakah yang patut diterima.] **(5m)**

f. Why is NPV the most accurate capital budgeting technique compared to the Payback and IRR? Relate your answers with the concept of maximizing shareholder's wealth.

[Mengapa 'NPV' merupakan kaedah belanjawan modal yang paling tepat berbanding 'Payback' dan 'IRR'? Kaitkan jawapan anda dengan konsep memaksimumkan kekayaan pemegang saham.] **(5m)**

Q7. You are required to evaluate the purchase of a proposed digital drawing machine for the Production Department. The purchase price is RM155,000, and it would cost another RM25,000 to modify the machine for special use by the firm. This machine has an expected life of 5 years, after which it will have no salvage value. The machine is depreciated using straight line method.

[Anda dikehendaki untuk membuat penilaian ke atas pembelian mesin lukisan digital yang dicadangkan untuk Jabatan Pengeluaran. Harga belian adalah RM155,000 dan ia akan memerlukan belanja tambahan RM25,000 untuk mengubahsuai mesin bagi kegunaan khas oleh firma. Mesin tersebut mempunyai jangka hayat selama 5 tahun, dan tidak mempunyai nilai sisa. Mesin tersebut disusutnilai dengan kaedah garis lurus.]

The new machine is expected to increase sales by RM55,000 and **save** the cost of maintenance by RM5,000 annually over the life of the asset. Due to increase sales, the firm expects an increase in working capital of RM10,000. Finally, to purchase the new machine, the firm would have to borrow RM50,000 at 8% interest from SME Bank, resulting in additional interest payments of RM4,000 per year. The firm's marginal tax rate is 25%.

[Mesin baharu tersebut dijangkakan dapat meningkatkan jualan sebanyak RM55,000 dan menjimatkan kos penyelenggaraan sebanyak RM5,000 setiap tahun selama tempoh usia aset. Firma menjangkakan terdapat peningkatan modal kerja sebanyak RM10,000 disebabkan oleh peningkatan jualan. Akhirnya, untuk membeli mesin tersebut, firma perlu meminjam RM50,000 pada kadar faedah 8% daripada SME Bank, menyebabkan bayaran tambahan untuk faedah sebanyak RM4,000 setahun. Kadar cukai marginal firma adalah 25%.]

Required: [Dikehendaki:]

a. What is the initial investment outlay for this project?

[Berapakah pengeluaran pelaburan permulaan bagi projek tersebut?] **(5m)**

b. What are the project's annual cash flows in Years 1 to 5?

[Berapakah aliran tunai tahunan projek dalam Tahun 1 sehingga 5?] **(10m)**

c. If the WACC is 11%, what is the project's Net Present Value (NPV)? Should this machine be purchased? Why?

[Jika WACC adalah 11%, berapakah Nilai Masa Kini (NPV) projek tersebut? Patutkah mesin ini dibeli? Mengapa?] **(7m)**

d. Briefly explain the need to differentiate the investment decision and the financing decision in preparing capital budgeting.

[Jelaskan secara ringkas keperluan untuk membezakan antara keputusan pembiayaan dan keputusan pelaburan dalam menyediakan belanjawan modal.] **(3m)**

– END OF QUESTIONS [SOALAN TAMAT] –